

OUR

VSV

GEMPAK.

WEEKLY EDITION

DAYA TARIK, AKSI, EMOSI

GE GAR VAGANZA

MUSIM 11



GEGAR VAGANZA 11



Pentas Gegar Vaganza bakal dibuka dengan menyaksikan 14 bintang bakal berentap untuk merebut gelaran juara.

Program Gegar Vaganza yang sudah masuk edisi kesebelas ini bakal menyaksikan persaingan sengit daripada Ronnie Hussein, Nai Dinamik, Fairuz Selamat, Yazid Lovehunters, Reshmonu, Liza Aziz, Shiela Abdul, Arrora Salwa, Zehra Zambri, Illa Sabry dan pelantun lagu Awan Yang Terpilu, Ning Baizura.

Turut memberi saingan hebat, pentas GV juga akan menyaksikan penampilan penyanyi lagenda dari Indonesia iaitu Inka Christie, Dadali Dyrga dan The Lima yang dianggotai oleh Taura, Bony dan Arif.

Dengan kembalinya penyanyi lama yang mempunyai one hit wonder pada satu ketika dulu, menyaksikan pihak produksi membawa kembali format asal program yang menjadi pilihan peminat itu.

Pada masa sama, GV juga masih mengekalkan Datuk Syafinaz Selamat, Hetty Koes Endang dan Datuk Ramli MS selaku juri.

Acara yang berlangsung selama 12 minggu ini akan dikendalikan oleh pengacara hebat Nabil Ahmad dan Jihan Muse.

GV 11 bakal bermula pada 24 November ini dan berlangsung dari Auditorium MBSA, Shah Alam.

Rancangan ini juga akan dipancarkan secara langsung menerusi saluran Astro Ria (104).

Rancangan nyanyian yang dinanti-nantikan ini boleh distrim menerusi On Demand di Astro Ultra/Ulti Box serta aplikasi Astro GO dan sooka untuk pilihan yang fleksibel.



Kembali Dengan Format Asal, Keserasian Nabil & Jihan Beri Magis Buat GV11

Pihak produksi program realiti, Gegar Vaganza (GV) mengembalikan format asal program berkenaan selepas hampir dua musim cuba memberikan suntikan yang baharu. Menurut Naib Presiden Strategi Pembangunan Kandungan Hiburan Melayu, Astro, Raqim Ahmad, pihak produksi bersetuju mengembalikan format asal itu selepas mendapat maklum balas daripada peminat setia GV.

"Kalau kita lihat Gegar Vaganza 9 & 10 konsepnya agak berbeza untuk GV 9 kita campur ada yang masih aktif dan juga tidak. Dan untuk musim kesepuluh kita memang sudah ada rancangan untuk mengadakan All Stars bagi meraikan sedekad penganjuran program itu."

"Selepas kita mendapat maklum balas daripada peminat yang mahukan format asal GV dikembalikan, kami mendengar permintaan mereka untuk melihat penyanyi-penyanyi lama yang mempunyai one hit wonder beraksi di pentas GV."

"Kerana itu adalah resepi GV dari mula lagi, jadi kami bawakan kembali format asal GV untuk edisi kali ini," katanya.

Sementara itu, pihak produksi Gegar Vaganza mempunyai sebab yang tersendiri untuk mengekalkan pasangan pengacara yang cukup sinonim dengan program tersebut iaitu Nabil Ahmad dan Jihan Muse. Jelas Raqim, keserasian pasangan pengacara itu bersama barisan peserta dan juri antara sebab mereka berdua masih dikekalkan.



Insiden Menyanyi Sumbang, Penyanyi Disaran Masuk Kelas Vokal

Semua orang boleh menyanyi tetapi adakah nyanyian yang dilantunkan bersifat merdu dan sedap didengar telinga atau boleh menggelarkan diri sebagai seorang dengan profesion penyanyi.

Itulah isu yang tercetus apabila ada dalam kalangan penyanyi profesional tempatan yang berdepan kecaman apabila nyanyian sumbang atau 'suara terkucil' sewaktu membuat persembahan.

Ramai yang menyarankan agar penyanyi yang mengalami masalah suara sumbang pergi belajar atau mengikuti kelas vokal. Siapa sahaja mereka?



Nabila Razali

Penyanyi Nabila Razali pernah dikritik teruk selepas disifatkan menyanyi sumbang dan terkucil sewaktu menyampaikan lagu Peluang Kedua di Anugerah Juara Lagu ke-35 (AJL35) yang tular pada 2021.

Nabila malah mengaku tertekan selepas dirinya dibuli secara siber sehingga membuatkan dirinya trauma membuat persembahan.

Namun sebagai seorang yang profesional, Nabila mengikuti kelas vokal untuk memperbaiki nyanyiannya. Dan usahanya itu telah membawa hasil apabila nyanyian Nabila semakin baik.



Fazura

Penampilan Fazura menyanyikan lagu terkininya, Bertahan Demi Cinta di salah sebuah program televisyen di Indonesia menyita perhatian dan menerima pelbagai pro dan kontra.

Selain menjadi perhatian kerana ia penampilan pertama selepas bercerai dengan Fattah Amin, ramai yang berpendapat nyanyian Fazura sumbang. Dia dinasihatkan agar mendapatkan khidmat guru vokal untuk membaiki mutu nyanyiannya.



The Gadys

Kumpulan The Gadys pernah menjadi tular dan menerima kecaman yang teruk selepas nyanyian mereka pada Anugerah KNKV Viral 2024 disifatkan sebagai 'bernanah telinga'.

Dianggotai Aznie Azmi, Ayunie Rizal dan Thamiera Cahn, menerusi video yang tersebar di media sosial, mereka kelihatan bergelut saat menyanyikan lagu medley Cintaku Sampai Ke Etiopia nyanyian asal Ria Resty Fauzi, Cinta Sampai Mati (Raffa Affar) dan Gadis Dan Bunga (Rahimah Rahim).

Meski mendakwa terdapat masalah teknikal, The Gadys tetap disarankan pergi mengikuti kelas vokal. - MALIAH SURIP

4 Selebriti Nikahi Pemain Bola Sepak

Berita pertunangan di antara pelakon Eyka Farhana dan pemain bola sepak Akhyar Rashid baru-baru ini memperpanjangkan daftar jodoh selebriti bersama atlet. Jauh sebelum pasangan muda ini berjalin hubungan cinta, bertunang dan bakal menjadi suami isteri, sudah ramai selebriti tanah air yang juga bertemu jodoh dengan para pemain bola sepak.

Antara pasangan yang cukup terkenal satu ketika dahulu adalah penyanyi Datin Salwa Abdul Rahman dan Datuk Subadron Abdul Aziz, As Feminin dan Azman Adnan serta pelakon dan pelawak Didie Alias yang menikah dengan bekas pemain Negeri Sembilan, Norisham Ismail pada 2009.

Berikut antara pasangan selebriti - pemain bola 'generasi kini' yang juga sudah berbahagia dengan rumah tangga masing-masing.

Haziq Nazli - Eyra Hazali

Pelakon Eyra Hazali menikah dengan penjaga gol JDT, Muhammad Haziq Nazli pada November 2019.

Heroin drama Mr. Grey itu mendedahkan pertama kali berkenalan dengan Haziq ketika bertemu di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Mereka bertunang setahun kemudian sebelum berkahwin.

Hasil perkahwinan, pasangan muda ini dikurniai tiga cahaya mata lelaki.



Ayu Raudhah - Zaquan Adha

Ayu Raudhah dan Zaquan Adha boleh dikatakan pasangan selebriti-pemain bola sepak paling popular sejak mereka mendirikan rumah tangga pada 2011 sehingga kini.

Pasangan sama cantik sama padan ini malah hidup bahagia bersama tujuh cahaya mata.



Safawi Rasid - Syifa Melvin

Pemain Terengganu, Safawi Rasid berkahwin dengan pempengaruuh dan usahawan Syifa Melvin sewaktu masih bersama kelab Johor Darul Ta'zim (JDT).

Mereka berkahwin pada 2022 dan kini dikurniai seorang cahaya mata.



Rody Kristal - Nienaz Azman

Gitaris kumpulan Kristal, Rody berkahwin dengan penjaga gol futsal wanita, Nienaz Azman pada 2018.

Pasangan yang kini memiliki dua cahayamata lelaki itu menjalin hubungan selepas saling 'mengikuti' akaun Instagram masing-masing.

Rody juga mengaku tidak melalui fasa sebagai kekasih dalam tempoh yang lama kerana tidak pandai bercinta selain faktor usia yang sudah 30 tahun. - MALIAH SURIP





Pengarah: Anan Rasamee

Pelakon: Aumpa Phusit,
Nutchapan Paramacharenroj,
Anntonia Porsild

Genre: Seram/Thriller

March (Pepo Nutchapan Paramacharenroj), seorang mahasiswa Komunikasi, menyewa sebuah asrama murah tanpa menyelidik latar belakangnya. Namun, asrama itu pernah menjadi tempat seorang gadis membunuh diri. Meski merasa tidak selesa, dia tetap tinggal di asrama berkenaan.



Pengarah: Rizal Mantovani

Pelakon: Luna Maya, Darius Sinathrya,
Makayla Rose Hilli

Genre: Seram/Supernatural/Thriller

Sumala adalah filem seram berdasarkan kisah sebenar dari kejadian tahun 1948 di Semarang. Soedjiman dan Sulastri, sepasang suami isteri yang ingin memiliki anak, membuat perjanjian dengan iblis. Sulastri menjalani ritual dan hamil, namun anak kembar yang dilahirkan terdiri dari satu yang manusia dan satu lagi keturunan iblis. Anak iblis, Kumala, mati segera selepas lahir, sementara Sumala, anak yang kekurangan upaya, hidup..

Semakin membesar, Sumala menunjukkan tingkah laku aneh yang menyebabkan kematian tragis anak-anak di kampung mereka. Penduduk desa percaya Sumala membawa malapetaka, dan Soedjiman disalahkan atas kejadian tersebut. Hanya Sulastri yang mengetahui sebab sebenar di sebalik dendam Sumala.



Pengarah: Jake Kasdan

Pelakon: Dwayne Johnson, Chris Evans, Kiernan Shipka, Lucy Liu, Mary Elizabeth Ellis, J.K. Simmons, Nick Kroll, Kristofer Hivju

Genre: Aksi/Pengembalaan

Filem Red One mengisahkan penculikan Santa Claus yang menggunakan nama samaran Red One. Dwayne Johnson, sebagai Ketua Keamanan Kutub Utara, bekerjasama dengan pemburu upahan Chris Evans untuk menyelamatkan Natal. Mereka mengelilingi dunia untuk membebaskan Santa dari penculik.

Fattah Amin Masih 'Mendonia', Pok Ro, Khairul Aming Panjat Carta

Pelakon kacak berstatus duda hot, Fattah Amin masih memegang carta teratas Selebriti Trending minggu ini diikuti Anna Jobling, Meerqeen, Erysha Emrya dan Jazmy Juma.

Manakala Pok Ro mendominasi kategori Digital Creator Trending (e-sports) dan Khairul Aming menjuarai carta kategori Digital Creator Trending (Foodie).

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2024.

Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

SELEBRITI TRENDING

1. FATTAH AMIN
2. ANNA JOBLING
3. MEERQEEN
4. ERYSHA EMYRA
5. JAZMY JUMA

VIDEO MUZIK TRENDING

1. Belum Mulai - Insomniacks & Nabila Taqiyyah
2. Puas Sudah - Aina Abdul
3. Masing - Masing - Ernie Zakri & Ade Govinda
4. OMK - Zubir Khan ft Ezra Kairo
5. My Home Is In Your Arms

DIGITAL CREATOR TRENDING (E-SPORTS)

1. Pok Ro
2. Kambing Golek
3. Thanuk Nukk
4. Sekysss
5. Ciku Gais

DRAMA TRENDING

1. Kelas Tahanan Cikgu Hiragi
2. Uncle Bos Mama
3. Cinta Untuk Sekali Lagi
4. Nuh & Nayla
5. Dedaun Hijau Di Angin Lalu

Gempak Most Wanted
Gempak Most Wanted merupakan sebuah rancangan carta interaktif mingguan memfokuskan segala yang trending, viral & sensasi di senua platform digital. Dihesahkan oleh Ameila Henderson & Sean Lee.

Carta Mingguan Gempak Most Wanted
Undi carta mingguan Gempak Most Wanted sekarang dan terutama Top 5 setiap minggu!

HANTARKAN PENCALONAN UMUM ANDA

UNDI CALON BULAN OGOS SEKARANG!

CARTA MINGGUAN



5,000 Peminat Serbu Meet & Greet Kelas Tahanan Cikgu Hiragi

Lebih 5,000 peminat memeriahkan sesi "Meet & Greet" drama Kelas Tahanan Cikgu Hiragi di Astro Experience Store, IOI City Mall. Acara ini menampilkan pelakon utama antaranya Nadhir Nasar, Arena Wan, Qistina Rania selain pengarah Michael Ang.

Sesi yang berlangsung selama empat jam itu mendapat sambutan luar biasa, dengan polis bantuan diperlukan untuk mengawal keadaan.

Drama ini boleh ditonton setiap Rabu dan Khamis, jam 9 malam di Astro Ria.


Gie Juara Kilauan Emas 2024!

Kilauan Emas 2024 yang kembali selepas tujuh tahun telah menobatkan Gie dinobatkan sebagai juara.

Walaupun berdepan dengan kanser, Gie membawa pulang hadiah utama bernilai RM30,000 dan mempersembahkan lagu "Kau Pergi Tanpa Pesan" secara solo serta "Jangan Menangis Sayang" dalam duet bersama Sidi di pentas akhir.

Sidi meraih tempat kedua dengan hadiah RM10,000, trofi, pakej umrah, dan percutian. Tempat ketiga pula dimenangi oleh Ina, membawa pulang RM5,000, trofi, pakej umrah, dan percutian.

Selain gelaran juara, Gie turut memenangi Anugerah Emas Berkilau of the Week.



Yeo Jin Goo Turun Malaysia Sempena One Astro Fan Fest!

KC Global Media dan Astro mengadakan ONE Astro Fan Fest dari 22 hingga 24 November 2024 di Sunway Pyramid, menawarkan hiburan Korea terbaik dan peluang bertemu bintang Korea, Yeo Jin Goo.

Peminat boleh menikmati persembahan langsung, aktiviti bertemakan Running Man, dan ujian pengetahuan K-Drama dengan hadiah menarik.

Acara ini juga menampilkan artis-artis tempatan seperti Nadhir Nasar, Mierul Aimar, dan Naim Daniel, serta program Astro seperti Project; Exit dan Kahar: Kapla High Council.

ONE dan Astro Rewards menawarkan peluang kepada 50 pelanggan untuk memenangi sesi foto eksklusif bersama Yeo Jin Goo.




Konsert Raisa di KL: Penuh Aksi, Penuh Cinta

Konsert "Raisa Teristimewa Di Kuala Lumpur" yang berlangsung di Megastar Arena menyajikan persembahan selama dua jam dengan 20 lagu.

Antara momen yang mengharukan adalah apabila Raisa berkolaborasi dengan penyanyi seperti Ernie Zakri dan Hael Husaini.

Persembahan yang penuh dengan visual menarik dan pencahayaan memukau ini membuatkan peminat mengharapkan kepulangan Raisa ke Malaysia.



Malam Penuh Energi Di After Race Fest!

After Race Fest, yang diadakan di Helipad, PETRONAS Sepang International Circuit pada 3 November, menyambut ulang tahun ke-25 SIC dengan persembahan hebat dari artis-artis terkenal seperti Smash Mouth, Ella, Nidji, dan banyak lagi.

Festival ini turut menampilkan genre muzik berbeza termasuk rock, rap, pop, dan diskon, serta persembahan dari DEFAM, Joe Flizzow, dan 6ixth Sense.



Gegarkan Genting! Festival Muzik Lokal ZUS Coffee Meriah

ZUS Coffee merayakan ulang tahun ke-5 dengan festival muzik Lokal Kasi Vokal di Awana, Genting Highlands.

Festival ini menampilkan artis-artis terkenal seperti Jaclyn Victor, Faizal Tahir, dan Ella, serta bazar Kampung 'Made in Malaysia' yang menyokong peniaga tempatan.

Acara ini dihadiri lebih 3,000 pengunjung dan diakhiri dengan persembahan energetik oleh ratu rock Ella.



ESCAPE Parks And Datuk Sim's Vision Of Eco-Friendly Fun


Datuk Sim Choo Kheng, the mastermind behind ESCAPE theme parks, has reimagined the concept of amusement parks by introducing retro-eco attractions that focus on nature and physical play, inspired by the simple joys of his childhood in Penang.

Unlike typical theme parks that rely on technology-driven rides, ESCAPE parks emphasize outdoor activities and natural landscapes, fostering a return to old-fashioned fun through tree-climbing, swings, and obstacle courses. Initially met with skepticism, Sim self-funded the creation of ESCAPE Penang, which has since expanded, capturing public interest through its sustainable approach.



ASICS Unveils Mamee Monster Sneakers At Sneakerlah

ASICS Malaysia has launched an exclusive Mamee Monster-themed sneaker in collaboration with Sneakerlah 2024, celebrating Malaysia's iconic noodle snack. Featuring details inspired by the Mamee Monster, such as yellow noodle-textured laces, speckled seasoning midsoles, and a blue insole with the mascot, the design also includes a canvas layer that reveals a noodle graphic when cut. Alongside the sneakers, limited-edition Mamee merchandise was released at the event.



Wild Visitor Causes Stir At Seremban Clinic

A Seremban clinic recently got an unexpected visitor—a large monitor lizard strolled inside, causing a bit of a commotion among staff. CCTV footage captured the scene as the startled employees tried to shoo the reptile away.

The clinic humorously captioned the TikTok video, "Sorry, we only treat humans," reminding everyone to keep doors closed.

The video quickly gained attention, with amused viewers sharing their reactions.